



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 21 Tahun 2023

**MENERIMA PAKAI SURAT EDARAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
BERTARIKH 17 MAC 2023
BERKAITAN PELAKSANAAN PASUKAN SUKARELAWAN PENJAWAT
AWAM BAGI PENGURUSAN PASCA BANJIR**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada staf Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengenai penerimaan pakai Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 17 Mac 2023 berkaitan Pelaksanaan Pasukan Sukarelawan Penjawat Awam bagi Pengurusan Pasca Banjir.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) UiTM ke-136 yang bermesyuarat pada 18 September 2003 bersetuju meluluskan permohonan menggunakan pakai Pekeliling Bil. 14 Tahun 1994 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2001 (WP6.3).
- 2.2 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke – 124 pada 13 Mac 2012 bersetuju meluluskan penubuhan Jawatankuasa Ex-Gratia Bencana Kerja dan menggunakan terma rujukan Jawatankuasa Ex-Gratia Bencana Kerja UiTM.

- 2.3 Beberapa negeri di Malaysia telah menghadapi bencana banjir. Justeru Mesyuarat Pasca Kabinet Jabatan Perdana Menteri (JPM) Bil. 8 Tahun 2023 bertarikh 17 Mac 2023 telah memutuskan untuk menggerakkan semula Pasukan Sukarelawan Penjawat Awam dari semua kementerian/ jabatan/ agensi bagi pengurusan pasca banjir untuk digerakkan ke kawasan-kawasan yang terjejas.
- 2.4 Majlis Sumber Manusia (MSM) Bilangan 75 pada 13 April 2023 bersetuju untuk memperakui dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah Universiti untuk menerima pakai Surat Edaran JPA bertarikh 17 Mac 2023 berkaitan Pelaksanaan pasukan Sukarelawan Penjawat Awam bagi Pengurusan Pasca Banjir berkuatkuasa 17 Mac 2023.
- 2.5 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti ke – 189 pada 17 Mei 2023 telah meluluskan penerimaan pakai Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 17 Mac 2023 berkaitan Pelaksanaan Pasukan Sukarelawan Penjawat Awam bagi Pengurusan Pasca Banjir. Tarikh kuat kuasa adalah pada 17 Mac 2023.

3.0 PELAKSANAAN

Pelaksanaan penerimaan pakai Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 17 Mac 2023 berkaitan Pelaksanaan Pasukan Sukarelawan Penjawat Awam bagi Pengurusan Pasca Banjir di UiTM adalah seperti berikut:

- 3.1 Pegawai-Pegawai yang terlibat dengan aktiviti kesukarelawan tugas-tugas pasca banjir ini adalah di anggap menjalankan tugas rasmi.
- 3.2 Mereka juga layak menerima elaun dan kemudahan yang berkecukupan serta dilindungi oleh Skim Ex-Gratia Bencana Kerja bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan tertakluk kepada syarat di bawah Pekeliling Perbendaharaan W.P 6.3.
- 3.3 Pihak kementerian/ jabatan/ agensi adalah bertanggungjawab menguruskan tuntutan pegawai-pegawai yang terlibat tertakluk kepada peraturan-peraturan yang berkuat kuasa.

4.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling dikeluarkan pada 21 Ogos 2023.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa pada 17 Mac 2023.



HAJI MUHAMAD NIZAM BIN NOORDIN
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Rektor-Rektor UiTM Cawangan
Semua Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian
Semua Dekan/ Fakulti/ Akademi/ Institut
Semua Ketua Jabatan/ Bahagian/ Pusat/ Unit
Universiti Teknologi MARA

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil. 21/2023)